

**11/08/2015 - Majlis Perjumpaan Bersama Datuk Bandar Dan Yang Dipertua Pihak Berkuasa
Tempatan (PBT)**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Saudara pengacara majlis;

Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;

Yang Berbahagia Datuk Hj. Mohammad bin Mentek,

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan;

Yang Berusaha Dr. Ab. Rahman bin Awang,

Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan;

YBhg. Dato'-Dato'/ Tuan-tuan/ Puan-puan yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan kehadiran semua Datuk Bandar dan Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan dalam majlis perjumpaan pada hari ini. Terima kasih juga kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), khususnya Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) selaku urus setia yang mengatur majlis perjumpaan ini.
2. Tujuan perjumpaan pada hari ini adalah untuk memaklumkan aspirasi Kerajaan terhadap PBT dalam menyediakan sistem penyampaian perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Saya percaya perjumpaan ini akan berjaya menghasilkan penambahbaikan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan di PBT melalui pertukaran pandangan mengenai perkara-perkara yang berkaitan.

Rancangan Malaysia Ke-11 (2016-2020)

3. Sebagaimana para hadirin sedia maklum, Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) akan bermula pada tahun 2016 dan berakhir pada tahun 2020. Ianya merupakan Rancangan Lima Tahun terakhir sebelum mencapai sasaran Wawasan 2020.
4. Di bawah RMKe-11, tumpuan utama diberikan kepada usaha meningkatkan produktiviti melalui transformasi perkhidmatan awam. Bab 9 RMKe-11 menggariskan dua fokus utama berkaitan produktiviti yang menyentuh secara langsung dengan peranan PBT, iaitu:
 - i. meningkatkan penyampaian perkhidmatan dengan mengutamakan rakyat; dan
 - ii. memanfaatkan Pihak Berkuasa Tempatan bagi menyediakan perkhidmatan berkualiti di peringkat tempatan.
5. Untuk membantu PBT menyediakan perkhidmatan berkualiti di peringkat tempatan, beberapa strategi telah dirangka iaitu:
 - i. memperkasa dan meningkatkan akauntabiliti PBT melalui penilaian yang lebih baik ke atas keupayaan PBT dan ekspektasi komuniti setempat;
 - ii. memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan oleh PBT melalui peningkatan integrasi Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta memperkemaskan peraturan dan proses bagi meningkatkan kepantasan bertindak PBT;
 - iii. memperkukuh kerjasama untuk merangsang pembangunan ekonomi tempatan melalui penglibatan sektor swasta dan menambahbaik infrastruktur dan persekitaran perniagaan; dan
 - iv. mempergiat penglibatan masyarakat setempat dan perkongsian data oleh PBT dengan memanfaatkan teknologi baru bagi mendapat maklum balas dan menyebarkan maklumat dengan lebih berkesan.

6. Saya berharap semua Datuk Bandar dan YDP dapat meneliti dan menghayati strategi yang telah digariskan di dalam RMKe-11 ke arah menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan PBT masing-masing kepada rakyat.

Meningkatkan Daya Saing Negara

Para hadirin yang dihormati sekalian,

7. Peranan PBT adalah penting dalam meningkatkan daya saing Negara. Sistem penarafan urusan mengendalikan perniagaan (ease of doing business) oleh Bank Dunia diukur antaranya, berdasarkan kecekapan proses kelulusan Kebenaran Merancang (KM) dan Pengeluaran Permit Pembinaan (DCP) dari segi kualiti, kos dan masa (Quality, Cost and Time - QCT).
8. Pelbagai usaha penambahbaikan proses dan prosedur pengeluaran KM dan DCP telah dilaksanakan bagi memastikan kedudukan Malaysia dalam aspek ease of doing business bertambah baik. Pada tahun 2014, Malaysia berada di kedudukan ke-20 dan telah menunjukkan peningkatan kepada kedudukan ke-18 pada tahun 2015 dalam Laporan Doing Business Report. Manakala bagi pencapaian urusan pengeluaran permit pembinaan, Malaysia berada di kedudukan ke-39 pada tahun 2014 dan seterusnya meningkat kepada kedudukan ke-28 pada tahun 2015.
9. Peningkatan kedudukan Malaysia di dalam laporan ini membuktikan usaha gigih dan kerjasama semua pihak di peringkat PBT, Jabatan dan Kementerian telah membuahkan hasil. Syabas saya ucapkan kepada semua di atas pencapaian ini.
10. Namun saya percaya dengan usaha penambahbaikan PBT yang berterusan, kita akan berjaya mencapai sasaran meletakkan Malaysia dalam kelompok sepuluh negara terbaik dalam aspek ease of doing business menjelang tahun 2020.

11. Walaupun pada hakikatnya sudah banyak kemajuan yang dicapai dalam meningkatkan taraf daya saing Negara, namun masih ada ruang penambahbaikan bagi One-Stop Centre (OSC), umpamanya memastikan keputusan permohonan KM dan DCP yang dikeluarkan tidak melebihi tempoh piagam yang ditetapkan.
12. Untuk mengatasi beberapa kelemahan tersebut, JKT telah menyediakan SOP Mengendalikan Mesyuarat OSC yang akan diedarkan dalam masa terdekat ini. Ia bagi membantu mempertingkatkan kualiti mesyuarat OSC dan seterusnya sistem penyampaian PBT daripada aspek kawalan pemajuan. Saya berharap semua PBT akan mematuhi SOP Mengendalikan Mesyuarat OSC untuk mencapai piagam yang telah ditetapkan dengan sebaiknya.

Peranan PBT Dalam Pelaksanaan Projek Pembangunan

13. PBT juga adalah pihak yang bertanggungjawab secara langsung untuk menyediakan kemudahan infrastruktur, kemudahan awam dan sosio-ekonomi di kawasan masing-masing. Setiap tahun, peruntukan dari Kerajaan Persekutuan disalurkan ke PBT bagi tujuan melaksanakan pelbagai projek kecil pembangunan dalam kawasan PBT. Bagi tahun 2015, sebanyak RM 252.9 juta telah diluluskan untuk tujuan tersebut.
14. Dalam melaksanakan projek pembangunan, PBT bukan sahaja dapat memastikan rakyat menikmati kemudahan-kemudahan asas, tetapi ia juga membantu pertumbuhan ekonomi Negara dan tempatan menerusi kesan limpahan (spillover effects). Inilah yang disebut sebagai 'Capital Economy'. Dalam hal ini, saya berharap setiap PBT dapat melaksanakan projek yang telah dirancang agar menepati spesifikasi dan tempoh masa yang ditetapkan.
15. Kita perlu memastikan bahawa hasil pertumbuhan ekonomi Negara dapat diterjemahkan kepada kemudahan-kemudahan atau faedah yang dapat dinikmati secara langsung oleh rakyat. Ini merupakan intipati kepada apa yang disebut sebagai 'People

Economy'. Justeru itu, sebarang kegagalan atau kelewatan dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan akan memberikan impak negatif terhadap kedua-dua 'Capital Economy' dan 'People Economy'.

Cadangan Pindaan kepada Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984)

16. Dalam memastikan pelaksanaan projek-projek Kerajaan berjalan dengan lancar, undang-undang dan peraturan tempatan yang telah ditetapkan perlulah relevan dengan perubahan dan tuntutan semasa. Dalam hal ini, usaha KPKT dalam membuat kajian dan semakan berkala terhadap undang-undang dan peraturan semasa adalah pendekatan yang betul. Hasil kerjasama penggiat industri pembinaan, Pihak Berkuasa Negeri, PBT, lembaga-lembaga professional dan agensi-agensi teknikal, sebanyak 167 cadangan pindaan kepada Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984) telah dikenalpasti untuk dilaksanakan.
17. Walau bagaimanapun, sehingga kini hanya dua negeri iaitu Selangor dan Terengganu yang telah mewarta dan menguatkuasakan kesemua 167 cadangan pindaan tersebut. Dengan ini, saya ingin menegaskan bahawa PBT perlu memberi perhatian serius ke atas pewartaan undang-undang kecil dan memastikan ia dikuatkuasakan dengan sewajarnya.

Kemudahan Akses OKU

18. Dalam aspek yang berkaitan, UKBS 1984 tentang penyediaan kemudahan akses OKU telah dipinda dan diwartakan di semua negeri-negeri. Namun demikian, isu mengenai kekurangan kemudahan aksesibiliti kepada OKU masih menjadi persoalan utama dan seringkali dibangkitkan di Parlimen.
19. Penguatkuasaan yang lebih tegas perlu diambil pihak PBT berhubung dengan pematuhan syarat bagi penyediaan kemudahan untuk OKU memandangkan masih terdapat ketidakpatuhan di kalangan pemaju projek pembangunan dalam perkara ini.

Kerjasama PBT Dengan PR1MA dan PPA1M Dalam Penyediaan Rumah Mampu Milik

Para hadirin yang dihormati sekalian,

20. Salah satu isu yang perlu ditangani oleh Kerajaan pada masa kini adalah memastikan rakyat Malaysia mampu memiliki rumah. Harga rumah semakin mahal disebabkan peningkatan kos pembinaan yang merangkumi harga tanah, bahan mentah dan tenaga buruh. Kerajaan memahami akan keperluan rakyat dan telah memperkenalkan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) bagi membantu rakyat memiliki rumah.
21. PR1MA telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada tahun 2011 bagi tujuan merancang, membina dan menyelia perumahan mampu milik berkualiti tinggi bagi golongan berpendapatan sederhana. PR1MA telah mensasarkan untuk menyiapkan 210,000 unit rumah di seluruh negara menjelang tahun 2018. Sehingga kini, sebanyak 153,807 unit rumah telah diluluskan untuk pembinaan di seluruh Negara dengan jumlah 41,187 unit sedang dibina.
22. PPA1M pula diperkenalkan pada awal 2013 bertujuan membantu penjawat awam memiliki rumah yang berkualiti di lokasi yang strategik dengan harga 20 peratus kurang daripada harga pasaran. Ia mensasarkan sebanyak 100,000 unit rumah disiapkan menjelang tahun 2018. Sehingga kini, sebanyak 10,639 unit rumah di bawah Fasa 1 telah diluluskan untuk pembinaan di Putrajaya yang mana 6,672 unit rumah sedang dibina.
23. Kedua-dua program ini merupakan teras utama dalam usaha Kerajaan untuk membantu rakyat memiliki rumah, terutamanya bagi golongan muda dan berpendapatan sederhana. Pihak PBT dapat bersama-sama menyumbang kepada usaha Kerajaan ini dengan menyegerakan kelulusan dan pengeluaran arahan pembangunan (development order) bagi projek-projek PR1MA dan PPA1M.

Sistem Penyampaian Perkhidmatan

24. Selaras dengan konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam, kita perlu memastikan penyampaian perkhidmatan Kerajaan menepati keperluan, kehendak dan aspirasi rakyat. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif ICT untuk menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan PBT. Antaranya adalah:
- i. Sistem OSC Online yang telah dilaksanakan mulai tahun 2010 di mana 71 PBT telah dipasang dengan sistem tersebut;
 - ii. Sistem e-Profil telah dilaksanakan di semua PBT bagi memudahkan urusan perancangan pembangunan dan penyelarasan dasar Kerajaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan; dan
 - iii. Sistem ePayment di PBT telah dilaksanakan sejak tahun 2007 bagi mempercepatkan bayaran perkhidmatan oleh rakyat kepada PBT.
25. Walaupun Kerajaan telah menyediakan kemudahan-kemudahan ICT yang menelan belanja yang tinggi, adalah menjadi tanggungjawab pihak PBT untuk memastikan sistem dan kemudahan ICT yang dibekalkan dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk kepentingan rakyat. Sebagai contoh, bagi sistem OSC Online sebanyak 71 PBT telah dipasang sistem tersebut tetapi hanya 18 telah melaksanakan pengujian ke atas sistem tersebut.

Manangani Aduan

26. Kita sering kali mendengar keluhan dan rungutan orang ramai yang tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diterima dari PBT. Untuk memastikan janji Kerajaan kepada rakyat dipenuhi daripada segi penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan pantas, saya menegaskan agar PBT dapat mengambil tindakan segera ke atas sebarang aduan yang diterima.
27. Di sini, PBT perlu menjadi pro-aktif dalam perhubungan dengan masyarakat setempat. Saya menyarankan agar Datuk Bandar dan YDP sentiasa turun padang dan mendengar sendiri keluhan dan masalah rakyat. Dengan pendekatan sedemikian, kita dapat

mengambil keputusan yang lebih bijak dalam menguruskan masalah-masalah yang dihadapi penduduk setempat.

Kesihatan dan Kebersihan Awam

28. PBT juga berperanan untuk memastikan kebersihan dan kesihatan awam terjaga. Berdasarkan data daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), sehingga 25 Julai 2015, jumlah kes denggi yang dilaporkan seluruh Negara adalah 67,944 kes, iaitu peningkatan sebanyak 31% berbanding tahun 2014. Jumlah kumulatif kematian bagi tahun 2015 pula sebanyak 185 kematian.
29. Saya ingin menyarankan hadirin semua supaya mengambil tindakan bagi melaksanakan pelan tindakan pencegahan kawalan denggi untuk mengatasi masalah pembiakan aedes dari terus berleluasa.

NBOS – MyBM: Menaiktaraf Dan Membaik Pulih Tandas Awam Milik PBT

30. Dalam usaha untuk menjaga kebersihan kemudahan awam, JKT telah menjalankan usaha-usaha menaiktaraf dan membaik pulih 418 buah tandas awam di bawah projek Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) – My Beautiful Malaysia (MyBM) pada tahun 2014. Bagi tahun 2015, sebanyak 330 tandas awam lagi telah dikenalpasti untuk dinaiktaraf dan ditambahbaik dengan peruntukan sebanyak RM 24.1 juta. Dijangkakan semua projek ini akan siap pada akhir Oktober 2015.
31. Bagi tujuan mengekalkan kebersihan tandas awam dalam jangka masa panjang, penyelenggaraan oleh PBT adalah penting agar kemudahan ini sentiasa dapat digunakan dan memastikan keselesaan orang awam secara berterusan. Pada masa yang sama, PBT juga perlu meningkatkan kesedaran rakyat tentang tanggungjawab mereka untuk bersama-sama menjaga kemudahan awam yang disediakan.

Penutup

32. Akhir kata, saya ingin menyeru semua PBT agar sentiasa pro-aktif dan responsif dalam meneruskan usaha-usaha kecemerlangan yang telah dijalankan selama ini. Peranan PBT amatlah penting kerana ia merupakan pengantara utama Kerajaan dengan rakyat.

33. Sekali lagi saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada hadirin sekalian kerana dapat bersama hari ini dalam usaha mencari kaedah dan strategi terbaik untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di PBT.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

©2015 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://www.pmo.gov.my/ksn/home.php?frontpage/speech/detail/2021>